Dapatkan Newsletter
Percuma›

BERITA Follow >Semasa Follow

Jakim panggil individu sertai pertandingan ratu cantik transgender

AISYAH BASARUDDIN Follow

01 September 2026 05:05pm
Masa membaca: 4 minit



Sirajuddin

SHAH ALAM – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan bekerjasama dengan pihak berkuasa agama Islam negeri serta agensi berkaitan untuk memanggil individu yang menyertai pertandingan Miss Equality World 2026 di Bangkok, Thailand.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee berkata, penglibatan peserta dari Malaysia dalam program berkenaan amat mendukacitakan dan menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat.

Tegas beliau, perlakuan tersebut bertentangan dengan nilai agama dan fitrah manusia, selain bercanggah dengan perundangan negara.

"Jakim dan pihak berkuasa agama Islam negeri tidak akan berkompromi terhadap sebarang usaha untuk menormalisasikan perlakuan ini.

"Berpandukan undang-undang dan peraturan yang sedang berkuat kuasa, Jakim akan bekerjasama dengan pihak berkuasa agama Islam negeri serta agensi berkaitan untuk memanggil individu berkenaan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Sebelum ini, Sinar Harian melaporkan seorang individu menerima kecaman selepas menyertai pertandingan ratu cantik transgender di Bangkok yang berlangsung dari 22 hingga 30 Ogos lalu.

Susulan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan berkata, pihaknya mengecam tindakan berkenaan dan akan bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk meneliti tindakan yang boleh diambil berdasarkan perundangan sedia ada.

Menurut beliau, tindakan sedemikian bukan sahaja mencemarkan imej Malaysia di persada antarabangsa.

Malah, katanya, ia juga bertentangan dengan ajaran Islam, norma budaya tempatan serta nilai kesopanan dan kesusilaan yang menjadi pegangan masyarakat negara ini.

Artikel Berkaitan:

- **'Sertai pertandingan ratu cantik transgender cemar imej Malaysia, teliti tindakan perundangan' - Menteri Agama**

Tambah beliau, perbuatan menyerupai jantina berlainan (tasyabbuh) serta mempromosikan gaya hidup transgender adalah dilarang di sisi hukum syarak dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang syariah di negeri-negeri.

Dapatkan Newsletter Percuma›

EDISI Follow >Kelantan Follow

‘Nak cabar, silakan, kami sedia lawan’ - Timbalan Menteri Besar Kelantan



ADILA SHARINNI WAHID Follow

26 Ogos 2026 02:04pm

Masa membaca: 4 minit



Dr Mohamed Fadzli FOTO: ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU - Kerajaan Kelantan berpendirian tegas mempertahankan Enakmen Kesalahan Syariah (Kelantan) 2026 di mahkamah sekiranya undang-undang berkenaan dicabar seperti mana enakmen terdahulu.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, pihaknya tidak gentar dengan perkara itu kerana enakmen baharu berkenaan melalui proses penggubalan yang sangat teliti dengan mengambil kira Perlembagaan Persekutuan serta alasan penghakiman dalam kes sebelumnya membabitkan peguam Nik Elin Zurina Nik Rashid.

"Siapa-siapa boleh cabar undang-undang dan mahkamah akan menentukan sama ada cabaran itu mempunyai asas atau tidak.

"Siapa nak cabar, terbuka. Kami bersedia untuk lawan di mahkamah dan peguam-peguam kami juga akan bersedia sekiranya perkara itu berlaku," katanya ketika ditemui pemberita selepas Mesyuarat Exco di Kota Darulnaim di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan peguam, Nik Elin yang mendakwa sekurang-kurangnya 11 peruntukan dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Kelantan) 2026 berpotensi dicabar di mahkamah.

Enakmen Kesalahan Syariah (Kelantan) 2026 yang mengandungi 62 seksyen diluluskan sebulat suara Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada 12 Ogos lalu menggantikan 16 peruntukan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 yang dibatalkan oleh Mahkamah Persekutuan pada 2024 kerana tidak berperlembagaan dan melangkaui kuasa perundangan negeri.

Nik Elin, salah seorang pempetisyen dalam kes yang membawa kepada pembatalan 16 peruntukan terbabit pada Selasa menggesa kerajaan Kelantan agar tidak menguatkuasakan undang-undang semata-mata kerana ia 'sedap didengar'.

Mohamed Fadzli berkata, keyakinan kerajaan negeri terhadap enakmen baharu itu dibuat selepas draf berkenaan diteliti oleh pelbagai pihak termasuk pakar undang-undang, syariah dan perlembagaan.

Katanya, Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) turut melantik dua pakar perlembagaan daripada universiti tempatan untuk meneliti rang undang-undang berkenaan.

"Pakar-pakar ini sudah meneliti dan memberikan pandangan. Kami ikut pandangan pakar termasuk perkara yang diperbaiki serta dibuat penyesuaian.

"Selepas dipersetujui Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Induk dan Jemaah Ulama MAIK, barulah rang undang-undang itu dibawa ke Sidang DUN dan diluluskan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri turut merujuk alasan penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes Nik Elin ketika merangka enakmen berkenaan bagi memastikan peruntukan yang digubal berada dalam lingkungan bidang kuasa DUN.

"Kami rujuk kepada Perlembagaan dan diktum hakim yang memutuskan kes Nik Elin itu sendiri serta akhirnya rangka dengan begitu rapi supaya enakmen baharu ini berada dalam kerangka Perlembagaan," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri turut menyusun peruntukan berkaitan kesalahan agama berdasarkan kerangka maqasid syariah dan bidang kuasa Mahkamah Syariah bagi memastikan alasan yang pernah digunakan dalam cabaran terhadap peruntukan terdahulu dapat ditangani dalam penggubalan enakmen baharu.

Menjawab kenyataan Nik Elin bahawa undang-undang tidak sepatutnya menjadi alat untuk menunjukkan siapa lebih berkuasa atau sekadar retorik politik, Mohamed Fadzli berkata, DUN ialah badan perundangan dan salah satu fungsi utamanya ialah menggubal undang-undang.

"DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang dalam perkara yang berada di bawah bidang kuasa negeri, justeru usaha kerajaan negeri meluluskan Enakmen Kesalahan Syariah (Kelantan) 2026 tidak boleh dianggap sebagai tindakan untuk mempamerkan kuasa.

"Bukan semua perkara adalah politik dan kerajaan negeri tidak berniat menggunakan undang-undang untuk menghukum sewenang-wenangnya, sebaliknya diwujudkan bagi mencegah kesalahan, memastikan keamanan dan keharmonian masyarakat," katanya.

Dapatkan Newsletter Percuma›

Sinar Harian SUARA RAKYAT

Log Masuk Daftar

Rabu | 23 September 2026

Sinar Karangkraf | PRN | Sinar Daily | SinarPlus | Sinar Bestari | Pop Family | Sinar Varsity | E-Paper | Langgan

Utama | Terkini | Berita | Suara Sinar | Sinar Islam | Podcast | Khas | Video | Aduan Penerbitan | Premium

EDISI Follow >Johor Follow

Suami, isteri orang bawa dua anak kecil dicekup khalwat dalam bilik sewa



NOR AZURA MD AMIN Follow

22 Ogos 2026 12:04pm

Masa membaca: 4 minit



Seorang wanita berstatus isteri orang yang membawa dua anak kecil berusia satu dan empat tahun ditangkap khalwat bersama suami orang dalam sebuah bilik sewa di rumah kedai.

JOHOR BAHRU – Seorang wanita berstatus isteri orang yang membawa dua anak kecil berusia satu dan empat tahun ditangkap khalwat bersama suami orang dalam sebuah bilik sewa di rumah kedai dua tingkat di Pasir Gudang, awal pagi Sabtu.

Pasangan berusia lingkungan 20-an dan 30-an itu ditahan penguat kuasa Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) kira-kira jam 2 pagi selepas menerima aduan awam mengenai kehadiran pasangan bukan mahram di premis berkenaan.

Menurut JAINJ, sepasukan penguat kuasa tiba di lokasi kira-kira jam 1.30 pagi sebelum melakukan pemeriksaan di tingkat atas premis berkenaan.

"Pintu bahagian bawah premis yang sudah ditutup pada waktu malam didapati tidak berkunci, membolehkan penguat kuasa naik ke tingkat atas.

"Setibanya di atas, penguat kuasa mendapati beberapa bilik dipercayai dijadikan bilik sewa," katanya.

Tambah kenyataan itu lagi, pemeriksaan kemudian dijalankan di sebuah bilik selepas penguat kuasa mengetuk pintu namun tiada jawapan diberikan.

"Bagaimanapun, penguat kuasa mengesyaki ada individu di dalam bilik berkenaan selepas mendapati kipas siling masih berpusing.

"Kira-kira lapan minit kemudian, pintu dibuka seorang wanita yang memakai seluar panjang dan baju-T berlengan pendek sebelum penguat kuasa memperkenalkan diri dan menjalankan pemeriksaan lanjut," katanya.

Hasil pemeriksaan mendapati seorang lelaki hanya berseluar panjang berada di atas katil bujang, selain dua kanak-kanak berusia empat dan satu tahun sedang tidur di atas tilam.

Menurut JAINJ, wanita berkenaan kemudian memaklumkan kedua-dua kanak-kanak itu adalah anak kandungnya hasil perkahwinan yang sah.

"Pasangan berkenaan kemudian mengaku mereka bukan suami isteri dan tidak mempunyai hubungan mahram.

"Lelaki itu juga mengakui berstatus suami orang dan bekerja di Johor Bahru, manakala wanita terbabit berstatus isteri orang serta tidak bekerja buat sementara waktu kerana menjaga anak," katanya.

Jelas JAINJ, hasil soal siasat mendapati kedua-duanya sudah mengenali antara satu sama lain lebih setahun ketika lelaki berkenaan melakukan pekerjaan sambilan sebagai pemandu e-hailing.

"Hubungan mereka menjadi semakin rapat selepas masing-masing berkongsi masalah rumah tangga.

"Lelaki itu mendakwa dia sudah tidak tinggal bersama isterinya berikutan masalah rumah tangga, manakala wanita terbabit mendakwa sedang melalui proses perceraian dan keluar dari rumah bersama dua anaknya," katanya.

Menurutnya, lelaki terbabit turut mendakwa mahu membantu wanita berkenaan yang ketika itu tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan dengan menanggung sewa bilik serta perbelanjaan harian.

"Bagaimanapun, tindakan mereka tinggal bersama dalam sebuah bilik tetap menimbulkan persoalan kerana kedua-duanya masih mempunyai pasangan yang sah.

"Hasil pemeriksaan turut menemukan pakaian lelaki dan wanita bercampur di dalam bilik berkenaan," katanya.

JAINJ memberitahu bilik berkenaan hanya mempunyai sebuah katil dan tilam bujang serta tidak dilengkapi tandas, manakala penghuni berkongsi tandas di luar.

Katanya, pasangan berkenaan dipercayai sudah menyewa bilik itu sejak beberapa bulan lalu.

"Semasa pemeriksaan dijalankan, kedua-dua kanak-kanak itu turut terjaga selepas suasana menjadi kecoh.

"Penguat kuasa mengambil tindakan mengikut prosedur ditetapkan bagi memastikan kebajikan kanak-kanak berkenaan turut diberi perhatian," katanya.

Pasangan terbabit kemudian ditahan bagi membantu siasatan mengikut peruntukan kesalahan khalwat di bawah Seksyen 27 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor.

"Kes berkenaan akan dirujuk untuk tindakan pendakwaan di Mahkamah Syariah," katanya.

Dapatkan Newsletter Percuma›

BERITA Follow >Semasa Follow

[VIDEO] Lelaki OKU didakwa berlagak, berpakaian wanita di pejabat agama



HAZELEN LIANA KAMARUDIN Follow

08 September 2026 11:45am
Masa membaca: 4 minit

KOTA BHARU - Seorang peniaga dalam talian yang juga orang kurang upaya (OKU) masalah pembelajaran mengaku tidak bersalah di Mahkamah Syariah di sini pada Selasa atas kesalahan lelaki berlagak seperti wanita di pejabat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (Jaheaik) pada November lalu.

Tertuduh, Khairul Izwan Sidi Ahmad, 25, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan mengikut Seksyen 19(1) Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 dibacakan di hadapan Hakim Syarie, Wan Mohd Firdaus W Ibrahim.



Tertuduh, Khairul Izwan Sidi Ahmad, 25, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan mengikut Seksyen 19(1) Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 dibacakan di hadapan Hakim Syarie, Wan Mohd Firdaus W Ibrahim. Foto Bernama

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan perbuatan berlagak seperti perempuan, iaitu memakai baju-T, baju 'slim fit', seluar dalam wanita dan selipar perempuan.

Perbuatan itu dilakukan di Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jaheaik di sini kira-kira jam 2.35 petang pada 9 November 2025.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 19(1) Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Syarie Kelantan, Syafika Mat Husin dengan dibantu Ezarihan Mat.

Tertuduh pula diwakili peguam syarie, Muhammad Syarafi Mohd Salleh dan Mohd Faqqhurudin Mohd Nasir.



Tertuduh (duduk) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Syariah Kota Bharu pada Selasa atas kesalahan lelaki berlagak seperti wanita di pejabat Jaheaik pada November lalu.

Terdahulu, Syafika mencadangkan jaminan RM1,000 dengan seorang penjamin.

Muhammad Syarafi dalam rayuannya memohon jumlah tersebut dikurangkan kepada RM500 dengan mengambil kira faktor anak guamnya merupakan OKU serta penyumbang terbesar dalam membayar komitmen keluarga.

"Tertuduh merupakan seorang OKU dan kami mempunyai maklumat mengenai status tersebut selain perlu menanggung bil elektrik kediaman keluarga sebanyak lebih RM400 sekali gus menjadi komitmen bulanannya," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan RM1,000 dengan seorang penjamin selain menetapkan 1 Disember depan untuk sebutan semula kes.

Sementara itu, Muhammad Syarafi ketika ditemui pemberita di pekarangan Mahkamah Rendah Syariah di sini berkata, anak guamnya membayar ikat jamin yang ditetapkan mahkamah.